

DASAR BAHASA DAN PEMBANGUNAN NEGARA

Dato Dr. Hassan Ahmad

1.0 Pembuka Kata

SAYA MEMULAI bicara kita ini dengan rakaman rasa terhormat kerana kesudian pihak Dewan Bahasa Dan Pustaka, khususnya Yang Berbahagia Tuan Haji A. Aziz Deraman, Ketua Pengarahnya, mempelawa saya menyampaikan ucapan ini sempena ulang tahun ke-43 Dewan Bahasa. Usia 43 tahun Dewan Bahasa ini selaras dengan usia kemerdekaan politik bahasa Melayu di negeri ini. Namun, kemerdekaan politik ini tidak bererti bahawa Melayu sudah bebas sepenuhnya daripada berbagai kendala budaya lama yang menghambat upaya yang ada pada bahasa Melayu untuk menjadi bahasa yang bernilai tinggi dan berpengaruh dalam proses pembangunan dan kemajuan negara baru dalam semua bidang yang penting. Maka apabila saya menerima surat daripada Tuan Haji A. Aziz Deraman supaya saya menyampaikan ucapan atas tajuk “Dasar Bahasa Di Malaysia” saya terfikir apakah masih ada orang di Malaysia yang mahu bersungguh-sungguh mendengar kisah ini lagi, kerana, bagi mereka barangkali, soal dasar bahasa di Malaysia kan sudah selesai. Bukankah taraf BM sudah terjamin dalam Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, lalu mahu bicara apa lagi? Cogan kata sekarang, ialah, bangsa kita mesti membangun, mesti maju. Tetapi inilah masalahnya. Bagaimanakah sesuatu bangsa itu dapat membangun dan maju jikalau tidak melalui bahasanya sendiri? Dahulu, sebelum Kemerdekaan, mengapakah bangsa Melayu tidak maju? Apakah kerana mereka malas atau kerana orang Melayu tidak mempunyai kuasa untuk memajukan bangsa mereka? Salah satu puncanya – punca yang ada kaitan dengan dasar bahasa pada masa itu – ialah, upaya bahasa Melayu untuk menjadi alat kemajuan bangsa disekat. Bahasa Inggeris digunakan sebagai alat kuasa dan penjajahan. Pada hari ini, empat puluh dua tahun selepas Kemerdekaan, kita perlu bertanya lagi: di manakah letaknya BM dalam agenda dan proses pembangunan dan kemajuan negara Malaysia yang dirancang untuk mencapai taraf *negara maju* dalam tahun 2020? Untuk menjawab soalan inilah

maka saya menambah kata-kata *dan Pembangunan Negara* pada mauduk ceramah yang diberikan kepada saya ini.

Premis saya ialah, dasar bahasa tidak dapat dipisahkan daripada proses *pembinaan negara*. Bagi negara pelbagai bangsa dan bahasa proses pembinaan negara merupakan agenda sosiobudaya dan sosiopolitik yang penting. Sering kali dasar bahasa boleh menjadi alat penting untuk membentuk integrasi politik dan tamadun tinggi tetapi sering kali juga dasar bahasa boleh menjadi punca krisis politik dan budaya yang boleh mengancam kemajuan bangsa dan negara sekiranya dasar itu tidak diuruskan dengan bijaksana.

Setiap negara di dunia mempunyai dasar bahasa, ada yang bertulis, misalnya dimaktubkan dalam Perlembagaan negara (contohnya banyak) atau ditakrifkan melalui undang-undang tertentu bahasa, dan ada yang tidak bertulis (contohnya tidak banyak). Sama ada dasar bahasa itu bertulis atau tidak bertulis, tujuannya harus jelas. Kita dapat memikirkan tiga tujuan dasar bahasa di mana-mana sahaja, iaitu (a) untuk dijadikan alat *perpaduan bangsa atau negara* atau sebagai *lambang jati diri negara*, (b) untuk menyelesaikan masalah kecekapan komunikasi di peringkat pentadbiran negara, terutama di negara pelbagai bahasa, dan (c) untuk dijadikan alat pembangunan atau kemajuan negara dalam berbagai-bagai bidang: pendidikan, ekonomi, teknologi, budaya dan ilmu. Ketiga-tiga tujuan ini boleh jadi – dan memang biasa – didorong, sama ada secara sedar atau tidak, oleh kesedaran dan semangat kebangsaan (nasionalisme) atau boleh jadi juga ditentukan melalui perundingan politik, seperti yang berlaku di Malaysia dalam tahun 1956 apabila dasar bahasa yang kita warisi hari ini diterima melalui proses yang disebut *tolak ansur* antara kaum. Dalam *kaedah* politik ini unsur nasionalisme Melayu memainkan peranan penting sebagai penggerak tuntutan supaya bahasa Melayu dikembalikan *kedaulatannya* sebagai bahasa pemerintahan di negara yang merdeka menggantikan kedudukan bahasa Inggeris. Tiada siapa yang dapat menentang tuntutan ini kerana sejarah dan kekuatan sosiobudaya bahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan di seluruh rantau Nusantara atau Gugusan Pulau-Pulau Melayu sejak ratusan tahun lamanya, sebelum Tanah Melayu dan Dunia Melayu dijajah oleh kuasa-kuasa Barat, menjadi bukti kukuh untuk mengabsahkan tuntutan itu. Kepentingan politik (misalnya soal

kerakyatan), bahasa dan budaya bangsa-bangsa lain yang menginap di Malaysia diterima oleh orang Melayu. Inilah asas tolak ansur dasar bahasa itu.

Masalah yang timbul ialah, bagaimanakah tujuan dasar bahasa yang tersebut itu dapat dicapai dengan sebaik-baiknya. Berhubung dengan soal ini akan saya bahaskan sedikit tentang konsep *pembinaan bangsa* atau *nation-building* dan konsep *pembinaan negara* atau *state-building* dan kaitannya dengan peranan atau fungsi bahasa Melayu dalam kedua-dua proses tersebut. Konsep ini sering kali tidak jelas, maka berlakulah tanggapan yang salah di kalangan pembuat dan pelaksana dasar bahasa tentang peranan bahasa Melayu sebagai pelambang *jati diri bangsa* dan tentang fungsinya sebagai penjana kemajuan dalam proses pembinaan negara.

2.0 Dasar Bahasa di Malaysia: Ciri-ciri Utamanya

Dasar bahasa di negara ini dapat kita ringkaskan seperti yang berikut: (1) bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan negara, (2) bahasa kebangsaan ini hendaklah digunakan untuk *tujuan rasmi* kerajaan; (3) bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan dan dijadikan mata pelajaran wajib untuk lulus peperiksaan PMR dan SPM; (4) BM dijadikan bahasa pengantar utama di institusi pengajian tinggi awam; (5) bahasa Melayu diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah jenis kebangsaan (yakni, sekolah yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utamanya); (6) bahasa Inggeris diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah; (7) berdasarkan Akta Pendidikan 1996, semua institusi pengajian tinggi swasta (yang mula dirangkumkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan) hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya tetapi Menteri Pendidikan diberi kuasa untuk mengecualikan peruntukan ini, yakni membenarkan institusi pengajian tinggi swasta menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantarnya; (8) (a) (di luar bidang urusan rasmi kerajaan) tiada siapa pun dilarang menggunakan atau mengajarkan atau mempelajari bahasa-bahasa lain, dan (b) kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berhak mengekalkan dan memelihara penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum di negara ini.

Inilah dasar bahasa di Malaysia sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal 152, dan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967, dan berdasarkan undang-undang pendidikan kebangsaan sejak Akta Pelajaran (Pendidikan) tahun 1957 (yang menggantikan *Education Ordinance 1950* ciptaan British) hingga ke Akta Pendidikan tahun 1996.

3.0 Pelaksanaan Dasar Bahasa

Pelaksanaan dasar bahasa bererti tindakan dan usaha yang perlu dijalankan oleh pihak yang menggubal dasar itu untuk mencapai tujuan dan matlamatnya.. Aspek pelaksanaan ini boleh kita kaji *secara terbatas* atau *secara meluas*. Pelaksanaan secara terbatas bererti mengehadikan tindakan pelaksanaan berdasarkan apa-apa yang tersurat dalam undang-undang bahasa yang ada. Misalnya, menurut peruntukan Fasal 152 Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, penggunaan BM sebagai *bahasa rasmi* hendaklah dihadkan pada bidang-bidang urusan pentadbiran kerajaan sahaja, khususnya dalam bidang pentadbiran awam, bidang kehakiman dan perundangan. Jadi, kalau menurut peruntukan ini kerajaan atau pelaksana dasar bahasa tidak boleh mengembangkan domain atau ranah BM di luar bidang *urusan rasmi* kerajaan seperti yang tersurat dalam Perlembagaan/Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Begitu juga, di luar sistem pendidikan awam bahasa-bahasa lain boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi swasta.

Tetapi kalau kita melihat BM dari segi taraf sosiobudaya dan sosiosejarahnya sebagai bahasa komunikasi luas bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh kawasan Nusantara, dan tidak semata-mata dari segi taraf undang-undangnya, maka fungsi BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara sepatutnya ditanggapi secara luas, yakni tidak terbatas hanya pada bidang-bidang *maksud rasmi* sebagaimana yang secara khusus ditentukan dalam Perlembagaan dan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967 itu. Peruntukan itu sebenarnya membatasi fungsi BM. Perihal bahawa dasar bahasa mewajibkan penggunaan BM dalam urusan rasmi kerajaan *tidak* bererti bahawa BM tidak boleh digunakan di luar bidang itu. Keadaan yang aneh timbul apabila penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi ini di luar sektor awam selalu menghadapi masalah tafsiran undang-undang. Misalnya, pelaksana dasar

bahasa selalu ditanya: kuasa undang-undang apakah yang ada untuk membolehkan anda memperluas penggunaan BM di luar bidang urusan rasmi kerajaan? Pelaksana dasar bahasa di Malaysia terpaksa merayu kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan supaya meminda undang-undang kecil yang digubal sejak zaman sebelum Kemerdekaan untuk membolehkan BM digunakan dalam iklan di ruang awam, atau untuk menggunakan nama-nama yang bercorak Malaysia (yakni yang dipaparkan dalam BM) di kawasan perumahan yang dibina oleh pihak swasta. Peminggiran penggunaan BM di sektor swasta selama ini berlaku atau dibiarkan berlaku kerana orang mentafsirkan undang-undang bahasa itu secara sempit, kononnya BM tidak perlu, lebih teruk lagi, dikatakan tidak boleh digunakan dalam sektor swasta. Dari manakah mereka memperoleh tafsiran ini? Adakah apa-apa undang-undang di negara ini yang melarang penggunaan BM di sektor swasta? Isu sebenarnya bukan undang-undang bahasa tetapi masalah pelaksanaan dan masalah budaya dan sikap psikologi bahasa yang biasa terdapat dalam masyarakat pelbagai bahasa dan pelbagai etnik dan juga masalah ketiadaan keiltizaman atau komitmen politik. Tolak ansur dasar bahasa masih berlaku sehingga kesepakatan dan semangat asal menjadi kian cair. Faktor-faktor baru, misalnya pengaruh globalisasi yang sebenarnya tidak jelas apakah maknanya dijadikan alasan untuk mengubah suai dasar bahasa yang berteraskan tuntutan nasionalisme negara-bangsa dengan desakan gelombang pasaran bebas dan teknologi maklumat yang disebarkan melalui bahasa global, iaitu bahasa Inggeris. Bangsa kita mula percaya bahawa kemajuan negara-bangsa tidak boleh disempitkan oleh ideologi nasionalisme. Dalam beberapa makalah yang saya tuliskan untuk *Dewan Masyarakat* saya menolak momokan globalisasi ini sebagai tanda bahawa dunia ini tidak akan bersempadan lagi. Mengapakah kita harus menyesuaikan dasar kebangsaan kita menurut desakan dan kehendak propagandis politik dan ideologi globalisasi daripada para tauke pasaran bebas dan teknologi maklumat Barat yang tidak mempedulikan kepentingan kita?. Terpesonanya kita dengan pengaruh BI sebagai bahasa global menyebabkan orang kita mengalami krisis tanggapan tentang peranan dan nilai BM berbanding dengan peranan dan nilai BI sebagai *bahasa kemajuan di dalam negeri ini*. Ini krisis baru yang sedang dihadapi oleh dasar bahasa kebangsaan kita.

4.0 Menilai Perkembangan Taraf BM berbanding dengan Taraf BI

4.1 Satu cara bagaimana kita dapat melihat hasil pelaksanaan dasar bahasa di Malaysia ialah dengan mengkaji perkembangan taraf BM sejak dasar itu dilaksanakan hingga hari ini. Kita boleh mengkaji perkembangan ini berdasarkan perbandingannya dengan taraf bahasa Inggeris (BI). Mengapa kita memilih BI sebagai perbandingan? Sebabnya ialah: (a) BI-lah yang digantikan oleh BM sebagai bahasa pentadbiran tunggal di negara ini (selepas Akta Bahasa Kebangsaan 1967), (b) BI-lah yang digantikan oleh BM sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan selepas Kemerdekaan, dari peringkat rendah dan menengah sekolah kebangsaan hingga ke peringkat pengajian tinggi, dan (c) BI-lah yang merupakan cabaran dan penyaing besar kepada BM dalam semua bidang, baik bidang yang bebas daripada ketentuan dasar bahasa yang ada mahupun dalam bidang yang diliputi secara khusus oleh dasar itu. BI juga memperlihatkan kemungkinan untuk menyaingi BM sebagai bahasa perhubungan antara etnik, bahkan juga sebagai bahasa perhubungan di peringkat *profesional* antara orang Melayu dengan orang Melayu. Kedudukan taraf bahasa-bahasa lain kekal seperti keadaannya sebelum Kemerdekaan, yakni tidak diubah oleh dasar bahasa selepas tahun 1957. Kemungkinan bahasa-bahasa ini menyaingi taraf BM sebagai bahasa perhubungan antara etnik agak tipis. Jadi, pelaksanaan dasar bahasa di Malaysia dapat kita lihat dari suatu segi yang cukup penting, iaitu berdasarkan kejayaan atau kegagalannya mengembangkan BM sebagai alat kemajuan negara, *menggantikan* BI.

4.2 Untuk tujuan analisis ini saya memilih 16 bidang atau *domain* atau ranah yang saya anggap berpengaruh dan mengkaji setakat manakah luas atau tidaknya BM digunakan dalam bidang itu berbanding dengan BI. Bidang yang dipilih dibahagikan menurut pengaruh nilainya kepada kemajuan negara, masyarakat, dan orang perorangan. Dalam

hal ini saya menggunakan kategori yang digunakan oleh Sibayan (1988)¹ dalam tulisannya mengkaji taraf bahasa Filipina berbanding dengan taraf BI di Filipina dalam tiga kategori bidang, iaitu (a) **bidang yang berpengaruh** (BP) atau *controlling domain* (CD), (b) **bidang separa-pengaruh** (BSP) atau *semi-controlling domain* (SCD), dan (c) **bidang yang tidak berpengaruh** (BTP) atau *non-controlling domain* (NCD). Menurut Sibayan “...BP (*bidang yang berpengaruh*) ialah bidang yang memaksa atau mendorong orang mempelajari dan mengetahui bahasa atau bahasa-bahasa yang [digunakan dalam bidang itu]. Bidang ini ialah bidang kuasa dan prestij yang menguasai kehidupan manusia dalam sesebuah negara atau yang mempengaruhi kehidupan peribadi manusia. Bahasa yang digunakan dalam bidang ini menjadi bahasa yang diperlukan dan dituntut oleh manusia”². BSP, menurut Sibayan “... tidak semestinya menentukan bahasa yang diperlukan oleh manusia”³. Manakala bidang yang tidak berpengaruh (BTP) ialah bidang yang, menurut Sibayan, ... “tidak memaksa atau mendesak orang supaya mempelajari bahasa yang digunakan dalam bidang itu”⁴.

4.3 Kesemua 16 bidang yang saya pilih untuk tujuan analisis taraf BM-BI ini dianggap sebagai bidang yang berpengaruh, walaupun peringkat pengaruh masing-masing bidang itu mungkin tidak sama. Kita akan menggunakan ukuran umum *Sangat Luas* (SL), *Luas* (lebih 50%) dan

1 Sibayan, Bonifacio P. 1988. ‘Role and Status of English *vis-a-vis* Filipino and Other Languages in the Philippines’. Kertas kerja yang dibentangkan di *Regional Seminar on Language Planning in a Multilingual Setting: The Role of English*. National University of Singapore, September 6-8 1988.

2 Versi asalnya (dalam bahasa Inggeris): *CD’s are the domains that practically dictate or determine the language or languages that people have to acquire and be educated in. These are the domains of power and prestige, the domains that practically control the national and individual lives of a people. The language used in these domains becomes the language that is desired and aspired for*. Sibayan juga berkata bahawa *the languages used in a controlling domains have a vast and growing literature* (Sibayan).

3 SCD’s ...do not necessarily dictate the language to be desired by the people

4 Versi asal: *NCD’s do not force or dictate to the people to learn the language used in them*.

Rendah untuk menilai takat luas penggunaan bahasa berkenaan. Kita tidak menyenaraikan bidang yang tidak berpengaruh (BTP)⁵. Ukuran yang lebih terperinci, berdasarkan data yang dianalisis secara statistik, tentu lebih menarik lagi, tetapi analisis seperti ini tidak dapat dilakukan untuk tujuan ceramah ini, lagi pun tahap penggunaan bahasa, terutama dalam masyarakat, sukar dikaji secara matematik kerana bahasa ialah fenomena sosial. Orang menggunakan bahasa dalam berbagai-bagai konteks sosial untuk memenuhi berbagai-bagai tujuan komunikasi. Inilah sebabnya mengapa selain adanya ragam bahasa Melayu yang kita sebut Bahasa Melayu Baku terdapat juga banyak ragam bahasa Melayu yang *tidak baku*, misalnya ragam sosial dan ragam bahasa daerah atau dialek. Faktor sosiolinguistik bahasa ini penting diambil kira dalam perancangan bahasa, sebagaimana yang akan saya jelaskan lagi nanti. Perlu diingatkan juga bahawa taraf BM atau BI dalam bidang-bidang yang dipilih bergantung pula pada sama ada penggunaan bahasa dalam bidang itu ditentukan oleh undang-undang bahasa atau tidak. Lambang ‘DB’ digunakan untuk menandakan bidang yang menentukan penggunaan bahasa menurut kehendak dasar bahasa.

16 jenis bidang (domain/ranah) berpengaruh yang saya pilih untuk membandingkan taraf penggunaan BM dan BI dalam bidang-bidang itu diringkaskan dalam jadual berikut:

BIL.	BIDANG	TARAF BM	TARAF BI
1	Perundangan	SL=DB	L(tulisan)
2	Kehakiman	L=DB	L (Bahasa Tambahan; separa-berpengaruh)
3	Pentadbiran (kerajaan)	SL=DB	R (dlm bentuk tulisan)

⁵ Antara contoh BTP/NCD ialah, perhubungan di pasar, di kedai kopi, di restoran, di rumah, di pasar membeli belah (‘supermarket’).

BIL.	BIDANG	TARAF BM	TARAF BI
4	Pengajian Tinggi		
	a Awam	SI (utama) =DB	L (Bahasa Tambahan)
	b Swasta	R	SL
5	Pendidikan peringkat di sekolah	SL=pengantar utama=DB	L, sebagai bahasa kedua yang wajib
6	Buku teks sekolah (kebangsaan)	SL (100%)=DB	R
7	Buku Pengajian Tinggi	R	SL
8	Upacara rasmi (awam/kerajaan)	L,=DB	R
9	Upacara rasmi (swasta)	L-R, di luar DB	SL, di luar DB
10	Kegiatan sastara/kreatif	SL	R
11	Media massa	SL-Luas ⁶	L-SL
12	Kegiatan ekonomi (swasta)	R ⁷ , di luar DB?	SL
13	Pembangunan sains & Teknologi	R	SL
14	Bidang profesion	R	SL
15	Komunikasi Luas (antara etnik)	SL	L
16	Hiburan (di radio & TV)	L	L

4 *Penilaian*

- (a) Berdasarkan jadual ini kita dapat membuat kesimpulan umum seperti yang berikut:

BM = SL dalam 8 bidang (bidang 1, 3, 4 a., 5, 6,10, 11 (SL-L),15

⁶ Sejak tahun 1999-an apabila dasar penswastaan merebak ke bidang media massa elektronik, taraf BM sebagai bahasa yang “sangat luas” (SL) menurun ke taraf “Luas” (L). Taraf BI dalam bidang media elektronik awam/swasta makin meluas.

⁷ Menurut Ahmad Mohd. Yusof *et. al.*, dalam *Laporan Kaji Selidik Penggunaan Bahasa Melayu dalam Bidang Kewangan dan Bank* (terbitan DBP, 1995), penggunaan BM sektor swasta sangat rendah atau tidak memuaskan.

- = L dalam 3 bidang (bidang 2, 8, 9 (L-R), 16)
- = R dalam 5 atau 6 bidang (bidang 4 b., 7, 9 (L-R), 12, 13, 14)
- BI = SL dalam 7 bidang (bidang 4 b., 7, 9, 11, 12, 13,14)
- = L dalam 4 bidang (bidang 1, 2, 4 a., 5, 11 (L-SL), 15, 16)
- = R dalam 5 bidang (bidang 3, 6, 8, 10)

Jadi secara keseluruhan nampaknya pengaruh BM dan BI dalam 16 bidang ini boleh dikatakan hampir-hampir seri. Saya tidak membezakan bidang atau domain manakah di antara enam belas bidang yang saya anggap berpengaruh itu lebih tinggi nilainya daripada bidang yang lain dari segi pengaruhnya terhadap, misalnya, kemajuan tamadun, budaya, ilmu dan pemikiran manusia. Pembezaan ini tentu sahaja boleh dan mungkin patut dibuat. Misalnya, bidang 16 (hiburan di radio dan tv, yang selalunya tidak bermutu tinggi), atau bidang 8 (upacara/majlis perasmian anjuran kerajaan) dan bidang 9 (majlis perasmian anjuran pihak swasta) mungkin tidak sama pentingnya dari segi pengaruhnya kepada kemajuan tamadun manusia jika dibandingkan misalnya dengan bidang 7 (buku pengajian tinggi) atau bidang 13 (pembangunan sains dan teknologi). Bidang 8 mungkin penting dari segi jati diri negara sahaja. Kalau pembezaan nilai pengaruh ini kita terima maka bahasa yang menguasai bidang 7 atau bidang 13 dapat kita anggap lebih besar pengaruhnya kepada kemajuan tamadun/budaya manusia daripada bahasa yang menguasai bidang 8, 9 dan 16. BI mencapai taraf SL dalam 4 bidang yang tinggi nilainya kepada kemajuan manusia dan negara, iaitu bidang Pengajian Tinggi Swasta, bidang Kegiatan Ekonomi negara, bidang Pembangunan Sains dan Teknologi, dan bidang kegiatan Profesion. Hal lain yang penting juga kita perhatikan ialah, hampir semua taraf SL yang dicapai oleh BM dalam 8 bidang adalah hasil penentuan undang-undang bahasa, manakala kebanyakan taraf SL BI dalam 7 bidang tidak dikawal oleh *takrif sempit* undang-undang bahasa tentang taraf BM sebagai bahasa untuk *maksud rasmi* kerajaan. Walaupun taraf BI dalam bidang pengajian tinggi sektor awam L, namun bahasa ini bertaraf SL dalam bidang pengajian tinggi sektor swasta manakala taraf BM dalam

bidang yang sama rendah atau cukup rendah. Dalam bidang kegiatan intelektual dan penulisan sastera kreatif, taraf BM lebih luas daripada taraf BI. Saya kira ini memang merupakan tradisi yang sudah lama kukuh di Malaysia. Penulisan sastera dalam BM mempunyai sejarah yang panjang di rantau ini, bermula sejak abad ke-14 lagi. Orang boleh berkata bahawa pada hari ini BM terus kukuh dalam bidang ini kerana adanya galakan dan pembiayaan kerajaan, misalnya melalui rancangan sastera DBP, atau melalui rancangan seperti Hadiah Sastera dan Anugerah Sastera Negara. Tetapi perlu diingat bahawa sastera dalam BM ialah *sastera masyarakat*, tidak semata-mata sastera elitis, tumbuhnya di bumi yang sebahagian besar penduduknya berbahasa Melayu. Dari segi ini penulisan sastera kreatif dalam BI tidak mungkin dapat menandingi sastera pribumi (sastera Melayu).

- b) Seperkara lagi yang patut kita perhatikan ialah, walaupun BI bertaraf R dalam bidang Pentadbiran biasa kerajaan namun penggunaannya secara lisan dalam sektor awam, di pejabat dan jabatan kerajaan, baik dalam perhubungan rasmi/formal (misalnya dalam mesyuarat), apa tah lagi dalam perbualan biasa antara petugas Melayu sesama Melayu lebih-lebih lagi dalam perhubungan antara etnik, nampaknya makin meluas. Beberapa faktor bertanggungjawab mewujudkan pola penggunaan dwibahasa Melayu-Inggeris atau penggunaan bahasa campuran Melayu-Inggeris ini, baik di ruang rasmi mahupun di dalam masyarakat. Salah satu faktornya ialah, bilangan warga Malaysia yang mengetahui bahasa Inggeris, tidak kira apakah tahap kefasihannya, meningkat dengan banyaknya selepas Kemerdekaan kerana BI diajarkan sebagai bahasa kedua yang wajib di semua sekolah.
- c) Hasil dasar bahasa yang paling besar ialah, BM berjaya menjadi bahasa ilmu atau bahasa pengajian tinggi dalam hampir semua bidang. Kalau dalam zaman sebelum Kemerdekaan tidak ada seorang pun ahli sains, ahli profesional dalam bidang seperti perubatan, kejuruteraan, undang-undang, perakaunan, ekonomi, dan sarjana dalam berbagai-bagai bidang ilmu yang terdidik dalam BM, selepas Kemerdekaan kita

melihat berpuluh ribu ahli profesional, ahli sains dan sarjana (profesor dan profesor madya) dari semua kumpulan etnik yang terdidik dalam BM melalui sistem pendidikan kebangsaan. Tetapi pencapaian ini makin hari makin tercabar. Masalah ini akan kita bincangkan dalam kerangka konsep bahasa atau dasar bahasa sebagai alat pembangunan negara.

- 5 Perkembangan lain yang alirannya kelihatan makin jelas ialah, menurunnya taraf BM dalam bidang tertentu. Sebagai contoh, dalam bidang media massa elektronik, taraf BM sebenarnya menurun, dari SL dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an ke taraf L dan mungkin suatu hari ini ke taraf R. Tidaklah mustahil jika aliran ini akan berlaku pada BM dalam semua atau hampir semua bidang lain *yang sangat berpengaruh kepada kemajuan negara*. Saya tidak nampak adanya ‘usaha rasmi’ yang bersungguh-sungguh untuk ‘mencegah’ kemungkinan berlakunya ‘malapetaka’ ini pada BM dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

5.0 Dasar Bahasa Dan Pembangunan

- 5.1 Dasar bahasa di Malaysia tidak menyatakan apakah peranan BM dalam pembangunan negara atau sebagai alat *kemajuan negara*. Perlembagaan dan ABK 1967 cuma menyatakan bahawa BM ialah bahasa kebangsaan negara dan bahasa ini hendaklah digunakan dalam urusan rasmi kerajaan. Saya kira penggubal dasar bahasa ini (di akhir tahun 1950-an) lebih banyak memikirkan soal *perpaduan etnik* dan masalah bahasa dalam pentadbiran daripada memikirkan agenda yang lebih besar, iaitu untuk menjadikan BM sebagai bahasa kemajuan negara dalam bidang ekonomi, perusahaan, sains dan teknologi, menggantikan peranan BI yang telah menguasai bidang-bidang tersebut sejak lebih satu abad sebelum Kemerdekaan. Penggubal dasar bahasa pada masa itu diharu oleh soalan: apakah yang akan terjadi kepada negeri ini apabila pihak British meninggalkan kita? Barangkali

pihak British yang menimbulkan rasa takut ini di kalangan pemimpin kaum pada masa itu. Maka penyelesaiannya yang segera ialah: gantikan bahasa Inggeris dengan BM sebagai bahasa pentadbiran negara *sahaja* dan wujudkan konsep bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan tanpa mengubah *status quo* kedudukan BI dan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa kemajuan ekonomi dan perdagangan. Jadi, pada masa itu dorongan kebangsaan (khususnya di kalangan orang Melayu) menyempitkan visi atau wawasan penggubal dasar bahasa waktu itu terhadap peranan BM: fungsi nasionalisme BM menjadi slogan kita. Maka rakyat diberitahu, melalui ucapan-ucapan dan retorik beberapa orang pemimpin Melayu, terutama dalam tahun-tahun 1960-an semasa gerakan minggu dan bulan bahasa dilancarkan, bahawa di negara seperti Malaysia bahasa kebangsaan penting sebagai *bahasa perpaduan* dan sebagai lambang jati diri negara. Kita diberitahu bahawa BM boleh *menyatupadukan* rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik dan bahasa. Laporan Jawatankuasa Pelajaran (Pendidikan) Razak tahun 1956 mencadangkan bahawa tujuan menjadikan BM sebagai bahasa pengantar utama di sekolah ialah untuk menyatupadukan *budak-budak* (yakni, murid-murid/pelajar) di sekolah melalui satu bahasa yang sama”. Ideologi ini terus dijadikan modal untuk mempertahankan *martabat* BM sebagai *bahasa perpaduan* dan *bahasa rasmi* negara. Jarang-jarang kita mendengar para pemimpin Melayu menegaskan pentingnya peranan BM sebagai bahasa kemajuan negara.

- 5.2 Kita tahu bahawa gagasan ideologi atau nasionalisme bahawa BM boleh menyatu-padukan rakyat pelbagai bahasa dan pelbagai etnik di Malaysia mengalami krisis tanggapan politik dan budaya sejak awal lagi. Baik secara empirikal mahupun dari segi teori visi ini sukar dipertahankan. Biar kita berterus terang di sini. Cogan kata, *Bahasa Jiwa Bangsa* yang diciptakan dalam tahun 1960-an – dan cogan kata ini kekal hingga hari ini – menimbulkan salah sangka kaum-kaum lain; mereka menganggap bahawa perkataan *bangsa* pada cogan kata itu merujuk kepada bangsa Melayu, dan sangkaan ini memang benar. Lalu

timbul tuntutan bahawa proses integrasi di Malaysia hendaklah berdasarkan gagasan *Malaysian Malaysia*, disertai dengan tuntutan supaya negara ini mengamalkan dasar pelbagai bahasa rasmi. Kalau dikatakan bahawa konsep *bangsa* yang terkandung dalam slogan *Bahasa Jiwa Bangsa* itu merujuk kepada *bangsa Malaysia*, apa diakah yang dimaksudkan dengan konsep atau istilah ini? Sampai sekarang pun kita tidak mengetahui secara jelas dan pasti apakah ada kesatuan atau entiti sosiobudaya yang disebut *bangsa Malaysia* atau dalam bahasa Inggerisnya *Malaysian nation* di negara ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pernah mencuba mentakrifkan konsep *bangsa Malaysia*. Beliau berkata bahawa *bangsa Malaysia ialah warga yang mengenalkan dirinya dengan negeri ini, bertutur dalam bahasa Malaysia dan menerima Perlembagaan*⁸. Saya menganggap bahawa takrif Perdana Menteri ini lebih sesuai untuk menjelaskan identiti warga atau *nationality* Malaysia tetapi tidak cukup untuk memenuhi segala syarat konsep *bangsa* atau *nation* sebagai kesatuan sosiobudaya. Slogan baru yang diciptakan dalam tahun 1980-an, iaitu *Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita* pun menimbulkan masalah makna atau konsep. Kita tahu bahawa cogan kata ini didorong oleh rasa tidak senang hati di kalangan perancang bahasa Melayu melihat kelemahan *mutu* penggunaan BM dan sikap acuh tak acuh warga Malaysia terhadap bahasa ini. Keadaan ini ditafsirkan oleh perancang bahasa sebagai tanda bahawa orang mungkin tidak mencintai bahasa kebangsaan. Tetapi apakah yang kita maksudkan dengan soal *mencintai bahasa*, siapakah yang kita maksudkan, bangsa Melayu atau bangsa-bangsa lain yang mempunyai bahasa ibunda masing-masing? Soal *mencintai bahasa* sebagai warisan asaliah atau milik budaya sesuatu bangsa perlu dibezakan dengan *rasa perlu menggunakan* bahasa itu atau bahasa apa pun, tanpa perasaan etnik, untuk kepentingan kemajuan diri dan sebagai bahasa kemajuan negara.

⁸ Kata-kata yang disampaikan dalam pertemuan (dialog) Majlis Kerja Pelajar Malaysia United Kingdom di Kuala Lumpur, pada 10 September 1995, seperti yang dilaporkan dalam surat khabar *The Star*, 11 September 1995. Teks asalnya dalam bahasa Inggeris berbunyi, *Bangsa Malaysia means people who are able to identify themselves with the country, speak bahasa Malaysia and accept the Constitution*.

Orang Melayu yang tidak menggunakan BM dengan betul dan baik tidak semestinya bererti mereka tidak mencintai BM, atau orang bukan Melayu yang tidak menggunakan BM tetapi memilih BI sebagai alat untuk menuntut ilmu seterusnya selepas meninggalkan sekolah kebangsaan atau IPTS belum tentu bererti mereka membenci BM atau mencintai BI; pilihan mereka mungkin didorong oleh kepercayaan bahawa BI lebih bernilai dan penting daripada BM sebagai alat untuk memenuhi keperluan dirinya dan juga keperluan penyertaannya secara berkesan dalam kemajuan ekonomi, ilmu, dan teknologi negara.

5.3 Nilai atau peranan bahasa mempunyai dua makna sahaja: pertama, nilai atau peranannya sebagai pembentuk atau penanda jati diri bangsa, dan kedua, nilai atau peranannya sebagai alat atau penjana tamadun atau kemajuan manusia. Kesilapan taktik pelaksanaan bahasa Melayu yang kita lakukan selama ini ialah, kita mengutamakan nilai atau peranan yang pertama daripada nilai atau peranan yang kedua. Tafsiran yang sempit terhadap maksud dasar bahasa yang ada mungkin mempengaruhi taktik pelaksanaan ini. Setiap kali timbul isu tentang peranan BM sebagai bahasa kemajuan negara lawan BI kita tidak mempunyai jawapan yang jelas. Sering kali kita berselindung di balik kata-kata metafora bahawa *martabat* bahasa Melayu tidak akan terjejas dengan penegasan pihak pemimpin Melayu tentang pentingnya peranan BI di negara ini sebagai *bahasa kemajuan*. Maka lahirlah di negara ini dua sektor bahasa yang bersaing: yang satu sektor swasta yang dikuasai oleh BI dan yang satu lagi sektor awam yang dikuasai oleh BM, itu pun tidak sepenuhnya, kerana di ruang institusi rasmi kerajaan penggunaan BI, terutama di peringkat komunikasi lisan, seperti yang disebutkan di atas, berlaku secara luas. Paling aneh ialah keadaan yang berlaku dalam sistem/dasar pendidikan. Setelah sebelas tahun para pelajar kita mempelajari bahasa kebangsaan (BM) di sekolah hingga ke peringkat SPM, mereka terpaksa meninggalkan bahasa ini untuk meneruskan kehidupan mereka di luar sistem rasmi itu, kerana di sektor swasta bahasa yang diperlukan ialah BI. Kalau beginilah keadaannya maka saya bertanya: apakah tujuan dasar

pendidikan kebangsaan yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantar utamanya jikalau di luar sistem rasmi itu bahasa ini tidak diperlukan untuk memajukan negara dalam bidang ekonomi, perusahaan, teknologi, sains dan sebagainya?.

- 5.4 Dasar bahasa bukan sekadar untuk menyelesaikan masalah politik bahasa yang terdapat di negara ini atau sekadar untuk *memajukan* sistem dalaman bahasa Melayu kerana, sebagaimana yang akan dijelaskan nanti, BM adalah bahasa yang maju lama sebelum dasar bahasa digubal selepas Kemerdekaan. Dasar bahasa juga bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan kebangsaan atau nasionalisme supaya *bahasa penjajah* digantikan dengan bahasa sendiri. Jikalau bahasa sendiri yang menggantikan *bahasa penjajah* itu tidak dimajukan sebagai bahasa pembangunan dan kemajuan negara apa perlunya bahasa bekas penjajah itu digantikan? Dasar bahasa bagi negara yang merdeka tentulah lahir daripada keyakinan bahawa peranan bahasa anak negeri penting untuk kemajuan bangsa dan negara. Dasar bahasa mesti bertujuan untuk membina kemajuan negara. Untuk menjayakan dasar ini orang mesti percaya bahawa ianya baik untuk kepentingan mereka. Berhubung dengan soal ini saya teringat teori seorang penulis Barat, Herbert C. Kelman (1971), tentang sikap atau perasaan orang terhadap dasar awam dalam proses pembinaan negara. Kalau kita menggunakan kerangka analisis Kelman, dapat kita membuat penjelasan tentang nilai dasar bahasa di Malaysia begini: orang di Malaysia akan tertarik atau terpikat secara *instrumental* terhadap dasar bahasa negara ini jikalau mereka percaya dan nampak bahawa dasar ini dapat memenuhi keperluan dan kepentingan *semua bangsa* di Malaysia secara berkesan dan adil, dan tidak mengancam kepentingan mana-mana golongan etnik. Ini bererti bahawa dasar bahasa di Malaysia hendaklah memupuk rasa ketertarikan atau keterpikatan *instrumental* (istilah yang digunakan oleh Kelman ialah *instrumental attachments*) terhadap BM dan terhadap negara. Keterpikatan *sentimental*, iaitu komitmen untuk turut menjayakan dasar bahasa, akan tumbuh setelah wujud ketertarikan

instrumental terhadap dasar itu. Pendek kata, apabila orang mempercayai bahawa BM penting untuk kemajuan mereka dan kemajuan negara mereka pasti akan tertarik (tanpa dipaksa oleh undang-undang bahasa) untuk mempelajari dan menggunakan BM. Soal cinta terhadap bahasa ini tidak timbul dan tidak penting. Soal bahasa sebagai alat nasionalis, atau sebagai alat untuk menyatupadukan penduduk pelbagai bahasa dan etnik juga tidak penting untuk membina integrasi politik dan taat setia orang terhadap negara. Yang penting ialah nilai bahasa itu sebagai alat kemajuan manusia dan sebagai pembentuk kesatuan geopolitik atau *negara (state)*. Ini tidak bererti bahawa kita tidak usah mempunyai apa-apa semangat kebangsaan pun untuk mendorong kita *mempertahankan* martabat BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Cuma kita perlu menyedari bahawa semangat ini sahaja tidak cukup untuk memajukan BM sebagai bahasa kemajuan negara. Semasa kita belum merdeka dan bahasa Inggeris masih menjadi bahasa rasmi negara, semangat ini penting untuk menuntut supaya *kedaulatan* BM dikembalikan dan BI digantikan dengan BM sebagai bahasa negara. Tanpa semangat ini di kalangan orang Melayu pada masa itu kita tidak fikir dasar bahasa yang digubal dalam tahun 1957 dan 1967 akan lebih baik daripada dasar yang ada selama ini. Tetapi sekarang kita berhadapan dengan masalah lain: bagaimanakah tahap ketertarikan instrumental terhadap BM dapat dipertingkatkan untuk menghadapi pengaruh dan cabaran BI *di dalam negeri ini* (bukan di ruang global!) sebagai bahasa kemajuan negara. Kita perlu mengubah kaedah dan strategi perancangan bahasa kita untuk menghadapi cabaran ini.

- 5.5 Dalam tahun-tahun 1960-an, dasar bahasa dan dasar pendidikan kebangsaan kita selalu menimbulkan krisis, terutama krisis tanggapan yang salah terhadap dasar itu, misalnya, orang bukan Melayu menganggap bahawa dasar itu sengaja diwujudkan untuk menguntungkan orang Melayu dan merugikan orang bukan Melayu terutama dari segi kepentingan budaya, bahasa dan pendidikan mereka. Tetapi ternyata perkembangan hingga akhir tahun-tahun 1980-an

menunjukkan bahawa syak wasangka atau kekhuatiran itu tidak munasabah. Dasar ini ternyata tidak mempunyai apa-apa agenda sulit, tidak bertujuan untuk menguntungkan orang Melayu dan merugikan kaum-kaum lain. Wujud tanda-tanda yang jelas menunjukkan bahawa dasar bahasa itu adil dan telus, tidak memudaratkan kepentingan mana-mana kumpulan etnik. Tidak ada sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil yang ditukar tarafnya menjadi Sekolah Kebangsaan. Penukaran taraf ini hanya dilakukan terhadap sekolah jenis kebangsaan Inggeris. Jumlah pelajar bukan Melayu yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM kian melebihi jumlah pelajar Melayu. Di IPTA pelajar bukan Melayu yang memperoleh kelulusan kelas pertama dan menerima hadiah universiti lebih banyak jumlahnya daripada pelajar Melayu. Ini menunjukkan bahawa sesiapa pun, tidak kira bangsa, boleh mencapai kemajuan yang cemerlang dalam pendidikan melalui BM sekiranya mereka berjaya menguasai bahasa ini sebagai alat kemajuan diri mereka dalam apa jua bidang yang berpengaruh.

- 5.6 Tetapi sayang, mulai tahun 1990-an orang mula bertanya: apakah nilai atau gunanya sijil dan ijazah yang diperoleh dengan jerih penat selama bertahun-tahun melalui sistem pendidikan kebangsaan dalam BM itu untuk pembangunan atau kemajuan negara? Tahap ketertarikan *instrumental* terhadap dasar bahasa yang mencapai peringkat yang tinggi di akhir tahun-tahun 1980-an mula menurun sejak tahun 1990-an apabila orang melihat tanda-tanda perubahan orientasi terhadap dasar bahasa itu, perubahan yang kadang-kadang disebut *dasar liberalisasi* terhadap penggunaan BI, bukan sahaja di IPTS bahkan juga di IPTA. Perubahan orientasi ini diabsahkan berdasarkan hujah atau andaian bahawa kemajuan negara dalam bidang ekonomi pasaran bebas yang makin bercorak *global* dan dalam bidang sains dan teknologi canggih yang juga makin global coraknya, yang dilancarkan di bawah gagasan *Wawasan 2020*, perlu dilakukan dalam BI. BM belum layak lagi, kononnya, walaupun sangkaan buruk ini tidak dinyatakan secara terus terang. Tetapi jangan lupa bahawa dunia lain juga melakukan

pembaharuan dan proses kemajuan dalam bidang yang sama. Cuma bezanya ialah, penggubal dan perancang dasar di negara lain itu, setahu saya, tidak berkata: *mari kita gantikan bahasa kita dengan bahasa orang lain, bahasa Inggeris, untuk mencapai kemajuan dalam bidang itu di dalam negara sendiri*. Hanya negara atau bangsa yang keliru budaya atau bangsa yang mindanya masih tidak terlepas daripada acuan atau peraturan penjajahan sahajalah yang selalu berfikiran demikian – tetapi mereka tidak menyedarinya. Saya tidak berkata bahawa bangsa kita tidak usah mempelajari atau menguasai bahasa Inggeris untuk memajukan negara. Saya cuma mahu menegaskan bahawa untuk memajukan bangsa sendiri dan negara sendiri di dalam ruang budaya, sosial dan politik di dalam negeri ini – bukan di negeri orang lain, bukan di England atau Amerika Syarikat atau di ruang global yang tidak diketahui di mana sempadannya – alat yang paling sesuai ialah bahasa kita sendiri. Jikalau tidak kita akan berbalik kepada zaman sebelum Kemerdekaan apabila bahasa Inggeris dijadikan alat elitis, ideologi dan kuasa untuk memisahkan kemajuan negara daripada rakyat terbanyak yang tidak mengetahui bahasa Inggeris. Kalau kita mahu tahu apakah pentingnya bahasa sendiri sebagai penjana tamadun bangsa, cuba kita menjawab soalan ini: bangsa apakah di dunia ini yang tamadunnya dan jati dirinya dibina melalui bahasa asing?

6.0 Kaedah Perancangan Bahasa

- 6.1 Tetapi masalah peranan BM sebagai bahasa pembangunan negara tidak hanya berpunca daripada pihak yang menentukan dasar itu. Kita perlu juga mengkaji apakah kelemahan strategi dan kaedah perancangan bahasa yang kita amalkan selama ini. Konsep tradisional perancangan bahasa yang dikembangkan oleh orang Barat sejak tahun 1950-an atau 1960-an lebih sesuai digunakan untuk menyelesaikan *masalah bahasa* yang dikatakan tidak maju atau belum maju. Menurut seorang pemikir perancangan bahasa, Ferguson (1968) (dan beberapa banyak orang lain

yang bersetuju dengan teorinya, cuma ada di antara mereka yang menggunakan istilah yang berbeza-beza), bahasa yang *tidak maju* (istilah yang digunakan ialah *undeveloped language* atau istilah *unmodern language*) ialah bahasa yang tidak mempunyai sistem tulisan (*graphisation*), dan tidak memiliki ciri *standardisation* dan *modernisation*. Menurut Ferguson bahasa yang *moden* ialah bahasa yang dapat menterjemahkan karya yang ditulis dalam bahasa-bahasa dunia yang maju. Pandangan ini telah dikritik oleh banyak orang (termasuk saya sendiri). Kita tahu – atau sepatutnya tahu – bahawa BM ialah bahasa yang maju, bukan baru selepas Kemerdekaan tetapi sejak abad ke-15 lagi. BM sudah mempunyai sistem tulisan (iaitu tulisan Jawi) sejak abad ke-14. Ragam BM persuratan (bahasa baku) sudah terbentuk sejak tertulisnya *Hikayat Raja Pasai* dalam abad ke-14. Dalam abad ke-17 BM telah digunakan untuk membahaskan isu-isu falsafah, teologi, metafizik dan sistem tasawuf yang tinggi. Tetapi cara kita mengembangkan BM selepas Kemerdekaan memberi gambaran kepada orang lain bahawa bahasa ini seolah-olah *tidak maju*, tidak mempunyai sejarah yang panjang. Kita lebih banyak menumpukan perhatian kepada *masalah korpus* bahasa Melayu, misalnya masalah ejaannya, masalah *bahasa baku*, masalah istilah dan masalah *kesalahan bahasa*. Selalunya penumpuan ini dilakukan secara berlebih-lebihan sehingga timbul masalah *perancangan korpus yang berlebihan*. Bahasa yang sudah betul kita betulkan, dua perkataan yang berbentuk frasa kita cantumkan menjadi satu dan berkata bahawa bentuk baru itu ialah *kata majmuk*, contohnya, kereta api menjadi *keretapi*, alat tulis menjadi *alatulis*, rukun negara menjadi *rukunegara*, akhirnya bentuk-bentuk cantuman ini dibetulkan semula, yakni dipisahkan semula. Maka keraplah berlaku keadaan tidak stabil dalam korpus BM. Perkataan Inggeris yang biasa kita anggap istilah, lalu mati-matian kita cuba menterjemahkan perkataan itu secara harfiah atau, kalau percubaan itu gagal, kita pinjam perkataan itu. Suatu contoh biasa dan mudah yang melemaskan saya ialah perkataan Seksyen yang dipinjam daripada perkataan Inggeris *Section* yang bermakna *kawasan*, misalnya *Seksyen 16*, *Seksyen 17*. Bukankah sudah

ada perkataannya dalam BM, iaitu kawasan: apa salahnya *Kawasan 16* dan *Kawasan 17*?. Pengguna menjadi bingung. Akhirnya mereka memilih BI.

6.2 Kita juga cuba mengenakan peraturan bahasa formal, bahasa baku, kepada ragam-ragam bahasa komunikasi sosial. Maka tidak sudah-sudahlah kita bergelut dengan apa yang disebut *masalah mutu penggunaan bahasa* di dalam masyarakat. Bahasa bukanlah hanya sistem struktur. Bahasa juga ialah fenomena atau sistem sosial. Orang menggunakan berbagai-bagai ragam bahasa, berbagai-bagai koda bahasa, berbagai-bagai gaya bahasa, untuk mencapai apa yang disebut oleh Dell Hymes (1971), *communicative competence*, atau kecekapan berkomunikasi dalam organisasi atau rangkaian perhubungan sosial. Bahasa yang dianggap *salah* dari segi peraturan bahasa formal (baku) boleh jadi betul dari segi peraturan sosialnya. Perancang bahasa jangan menganggap keadaan sosiolinguistik di negara ini, keadaan yang dicirikan oleh kepelbagaian bahasa, dialek, diglosia dan poliglosia sebagai *masalah bahasa*. Masalah kita sekarang bukan masalah bahasa lagi. Kejayaan besar perancangan korpus bahasa Melayu selama 43 tahun ini ialah terbentuknya pedoman pembentukan istilah dan sistem ejaan yang lengkap dan baku untuk kegunaan seluruh warga berbahasa Melayu di rantau ini. Bahasa Melayu juga telah mengalami proses pembakuan yang lebih mantap melalui pengajaran BM di seluruh sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan di seluruh negara, melalui media massa yang lebih besar pengedaran, melalui karya-karya sastera Melayu, melalui kamus-kamus Melayu, dan melalui buku-buku tatabahasa yang diterbitkan bukan sahaja oleh DBP tetapi juga oleh penerbit-penerbit lain.

6.3 Jikalau kita masih menghadapi masalah *penggunaan bahasa* maka ini bukan masalah bahasa lagi tetapi ialah masalah budaya bahasa. Ini termasuk masalah tanggapan yang salah terhadap upaya BM sebagai alat pembinaan atau kemajuan negara yang tidak mengira bangsa. Cabaran BI terhadap taraf BI dalam bidang pembangunan negara atau

sebagai bahasa ilmu di dalam negeri ini bukan cabaran bahasa (linguistik) tetapi cabaran budaya. Maka kita tidak mempunyai cara lain melainkan melakukan perubahan yang radikal, yang besar, pada cara kita *memajukan* BM. Istilah *memajukan* BM tidak lagi bermakna membina korpus BM sahaja kerana masalah ini tidak timbul lagi. Bagi bahasa yang sudah maju (seperti BM) perancangan korpus seterusnya seharusnya dilakukan melalui kegiatan ilmu, melalui penulisan buku-buku ilmu, melalui penyelidikan, kreativiti teknologi dan sebagainya. Proses ini boleh kita sebut proses *pembudayaan* BM, iaitu proses memperkasakan budaya bahasa ini, menjadikannya sebagai bahasa yang berpengaruh khususnya dalam bidang ilmu, sains dan teknologi sehingga orang akan tertarik dan berasa didesak untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ini sebagai bahasa kemajuan, bahasa tamadun tinggi. Jikalau agenda ini tidak kita laksanakan sehingga mencapai hasil yang besar dalam tempoh 25 tahun dari sekarang saya khuatir kedudukan/taraf BM sebagai bahasa pengajian tinggi di negara ini akan dipinggirkan oleh BI dalam beberapa banyak bidang yang berpengaruh. Orang akan menggunakan alasan kekurangan buku ilmu tinggi dalam BM untuk mengubah dasar mengutamakan BM di IPTA. Bagi saya perancangan BM mulai tahun 2000 hendaklah tertumpu sepenuhnya kepada projek pembinaan korpus ilmu dalam bahasa ini dan kepada usaha untuk mengubah persepsi yang salah terhadap upaya BM. Usaha ini tidak dapat dilakukan melalui cogan kata atau seruan dan retorik yang kosong tetapi hendaklah dilakukan melalui iltizam politik yang lebih tegas dan melalui perancangan pembudayaan yang lebih jelas dan terarah. Projek-projek penulisan buku ilmu tinggi yang pokok dalam BM dan projek penterjemahan karya-karya agung pilihan dari seluruh dunia (bukan buku teks dan buku popular, dan bukan buku kanak-kanak) ke dalam BM. Jikalau hanya 1% daripada wang yang digunakan untuk membina kemudahan fizikal di negara ini didermakan kepada tabung projek pembudayaan BM ini saya kira dalam tempoh 25 tahun agenda ini akan memperlihatkan hasil yang besar. Kita akan menjadi negara dan bangsa maju ilmu dalam bahasa kebangsaan kita.

6.4 Dasar bahasa Melayu tidak boleh berdiri sendiri. Perancang bahasa juga tidak boleh terdiri daripada orang bahasa sahaja. Dasar bahasa mencakup soal politik bahasa, sosiologi bahasa, budaya bahasa, dan ekonomi bahasa, maka tanggungjawab untuk menjayakan dasar ini sebagai wadah atau alat pembinaan dan kemajuan negara perlu melibatkan banyak pihak, tidak hanya ahli bahasa tetapi semua pihak yang terlibat merancang agenda pembangunan negara seluruhnya. Misalnya, pembangunan teknologi negara, baik teknologi maklumat mahupun teknologi dalam bidang-bidang lain, perlu mengambil kira peranan BM sebagai alat utamanya kerana bahasa ini ialah bahasa yang diketahui oleh sebahagian besar penduduk Malaysia. Kalau tidak maka kemajuan teknologi di negara ini akan terpisah daripada rakyat dan akan menjadi monopoli golongan korporat perniagaan yang lebih mementingkan teknologi itu sebagai alat kuasa, ekonomi dan perdagangan.

Akhir kata, para penentu dasar bahasa di negara ini perlu diingatkan bahawa bahasa bukan sekadar soal tatabahasa, ejaan, istilah dan kamus; bahasa berkait dengan budaya, politik, keadaan sosial, ideologi, psikologi, sikap, hati dan jiwa manusia. Bahasa ialah alat pembangunan, penjana tamadun bangsa, bukan sekadar alat komunikasi sahaja. Siapa kata bahawa orang bahasa sahaja yang layak menyelesaikan masalah ini semua?